

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI KHAMIS : 17 OKTOBER 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 1

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan akhir-akhir ini beberapa penyakit yang telah lama dapat dibendung seperti TB, kini timbul kembali dalam masyarakat Malaysia. Besar kemungkinan penyakit ini dibawa oleh rakyat luar seperti pekerja asing. Adakah Kerajaan bercadang untuk memastikan mereka yang dibawa masuk ke Malaysia benar-benar lulus pemeriksaan kesihatan yang diiktiraf oleh Kerajaan negara asal pekerja atau Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sememangnya telah mewujudkan pemeriksaan kesihatan untuk memastikan pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini berada dalam keadaan sihat dan baik dan juga untuk mencegah penularan penyakit berjangkit yang mungkin dibawa oleh pekerja asing ke negara ini. Sejak 2006 lagi, pemeriksaan kesihatan ini dibuat dalam masa 1 bulan tiba di Malaysia.

Pekerja asing yang bekerja di Malaysia secara sah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan perubatan pekerja asing di klinik-klinik panel *Foreign Workers' Medical Examination* (FOMEMA) termasuk

NO SOALAN : 1

pemeriksaan X-ray dada dan juga pemeriksaan makmal. Melalui pemeriksaan ini pekerja asing akan disaring untuk penyakit Tuberkulosis (TB), HIV, Malaria, Hepatitis B, Leprosi (Kusta), Siflis, Psikiatrik, Kanser, Penyalahgunaan Dadah, Kehamilan dan lain-lain penyakit seperti Kencing Manis (Diabetes Mellitus), Darah Tinggi dan kegagalan buah pinggang.

Bagi pekerja asing yang disahkan tidak sesuai bekerja kerana gagal dalam pemeriksaan kesihatan yang ditetapkan, pihak majikan mereka adalah dikehendaki menghantar pulang pekerja asing tersebut. Hanya pekerja asing yang disahkan sihat dan tidak mempunyai mana-mana sebab lain yang ditetapkan akan dibenarkan untuk mendapat Pas Lanjutan Kerja Sementara (PLKS) dari Jabatan Imigresen Malaysia. Sekiranya majikan tersebut gagal untuk berbuat demikian, PLKS untuk pekerja asing yang lain di bawah majikan berkenaan turut tidak akan diperbaharui oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Untuk makluman YB Sungai Petani sesetengah jenis penyakit seperti HIV dan Hepatitis B mempunyai masa *window period* (tarikh dijangkiti sehingga pengesanan antibodi). *Window period* boleh berlaku dari 2 minggu hingga ke beberapa bulan mahupun setahun dan lebih. Oleh yang demikian, ketiadaan apa-apa penyakit yang dikesan semasa pemeriksaan dalam masa satu bulan selepas ketibaan pekerja asing, ianya tidak dapat mengesahkan mereka betul-betul tidak dijangkiti kerana antibodi terhadap penyakit berjangkit tersebut belum terbentuk pada ketika dan waktu pemeriksaan dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH SOALAN : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sejauh manakah tahap persediaan Kementerian dalam membina dan mempersiapkan pelan ekosistem utama dan sokongan bagi industri kereta terbang di Malaysia memandangkan prototaip pertama kereta terbang pertama negara dijangka dilancarkan pada suku keempat tahun 2019 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian telah mengenal pasti industri *air mobility* sebagai salah satu *game changer* yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. Industri ini mempunyai potensi yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa terutama dalam sektor infrastruktur, keselamatan, pertanian dan lain-lain. *air mobility* ini mengaplikasikan teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Big Data*, *Mobility* dan *Internet of Things* yang sedang berkembang pesat terutamanya di peringkat antarabangsa.
2. Sehingga kini, terdapat reka bentuk kenderaan *air mobility* yang telah dicadangkan kepada Kementerian dan pembangunan prototaip dengan penumpang sedang giat dijalankan dan dijangka akan dilancarkan pada penghujung tahun 2019. Projek ini akan diterajui oleh sektor swasta dan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat tempatan.

Projek ini tidak melibatkan sebarang peruntukan daripada Kerajaan dan Kerajaan tidak akan menanggung sebarang kerugian sekiranya projek ini tidak berjalan seperti yang dirancang.

3. Majlis Pembangunan Negara pada 20 Disember 2018 telah mengenal pasti Cyberjaya sebagai platform *test-bed* untuk menguji teknologi dan inovasi baharu termasuk *autonomous*, *drone* dan *air mobility*. Platform *test-bed* ini akan memastikan wujudnya ekosistem yang kondusif bagi pembangunan *air mobility* di Malaysia.

4. Pada tahun 2016, Forum Ekonomi Dunia menjangkakan bahawa *air mobility* akan dijadikan mod utama pengangkutan menjelang tahun 2030 dan laporan PriceWaterhouseCoopers menganggarkan bahawa nilai industri Mobiliti Udara dijangka meningkat sebanyak US\$127 bilion menjelang tahun 2020. Di Malaysia, pembangunan *air mobility* akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan negara bersedia memenuhi keperluan industri menjelang tahun 2030.

5. Kementerian telah mengadakan penyelarasan untuk membincangkan hala tuju dan keperluan industri *Air Mobility* bersama Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Selain daripada itu, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan sesi libat urus pada 5 September 2019 bersama agensi-agensi pelaksana untuk merangka dasar, perlesenan dan garis panduan bagi memastikan kelancaran pembangunan ekosistem industri *air mobility*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]

TARIKH : 17 OKTOBER 2019

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi memastikan prinsip “*non-militarization*” di kawasan Laut China Selatan dihormati oleh semua pihak khususnya kuasa-kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagai mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu Laut China Selatan merupakan suatu isu yang sensitif dan kompleks. Sehubungan dengan itu, ia memerlukan satu pendekatan yang komprehensif untuk mengelakkan ketegangan antara pihak-pihak yang berkaitan.

3. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Untuk memastikan keamanan dan kestabilan serantau, Malaysia berpendirian semua pihak perlu menghormati undang-undang antarabangsa, menyelesaikan sebarang pertelingkahan secara aman, dan mengelakkan penggunaan kekerasan atau ancaman kekerasan.

4. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah mencadangkan prinsip *non-militarisation* di Laut China Selatan supaya ianya menjadi satu perairan yang aman, stabil dan kondusif untuk perdagangan. Perairan yang aman tanpa sebarang konflik ini juga secara tidak langsung dapat mengukuhkan kerjasama di antara negara-negara serta meningkatkan salinhubungan (*connectivity*), di samping dapat mengeratkan hubungan antara komuniti serantau. Laut China Selatan tidak seharusnya dijadikan atau dilihat sebagai punca konflik antara negara.
5. Kerajaan Malaysia secara konsisten di dalam forum-forum peringkat serantau dan antarabangsa seperti persidangan-persidangan ASEAN, ASEAN Regional Forum dan juga PBB mengenengahkan konsep-konsep kawal diri (*self-restraint*) dan "*non-militarization*" pihak-pihak berkaitan di Laut China Selatan supaya tidak menggunakan kekerasan atau ancaman kekerasan.
6. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyarankan untuk mengawal kehadiran kapal-kapal perang di Laut China Selatan. Pengawalan kehadiran kapal-kapal perang ini merupakan usaha-usaha ke arah "*non-militarization*" di Laut China Selatan. Peningkatan kehadiran kapal-kapal perang boleh menyumbang kepada keadaan yang tegang dan risiko konflik antara pihak-pihak berkaitan. Namun, Malaysia tiada halangan terhadap hak kebebasan pelayaran (*freedom of navigation*) seperti yang diperuntukkan di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982.
7. Sebagai sebuah negara penuntut yang mempunyai kepentingan dalam Laut China Selatan, Malaysia tidak mahu terperangkap dalam konflik kuasa-kuasa besar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Beluran. Sebarang tindakan yang menggugat keamanan dan kestabilan serantau sudah tentu tidak akan mendatangkan faedah kepada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Sebagai langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak–pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002.

9. Menerusi DOC, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk membina dan meningkatkan keyakinan, terutamanya antara negara-negara penuntut, berhubung isu Laut China Selatan.

10. Pada masa yang sama, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***. COC dilihat sebagai satu usaha untuk memastikan pihak-pihak di Laut China Selatan mengelakkan konflik antara satu sama lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

11. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Dalam masa yang sama, usaha-usaha secara diplomasi juga diambil untuk menerangkan kepada dan mempengaruhi masyarakat antarabangsa supaya menghormati undang-undang antarabangsa dan tidak mengambil tindakan yang boleh menjejaskan keamanan dan kestabilan rantau ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menjelaskan dengan terperinci berapa jumlah pelancong yang datang ke Malaysia mengikut statistik setiap negara dan berapakah pulangan yang diterima oleh negara hasil daripada kehadiran pelancong-pelancong berkenaan setelah Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pemerintahan selepas PRU-14 pada 9 Mei 2018 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah ketibaan pelancong asing bagi tempoh Julai 2018 hingga Jun 2019, iaitu bagi satu tempoh yang ditadbir oleh Kerajaan Pakatan Harapan adalah seramai **26,456,561 orang** dengan jumlah pendapatan **RM86.90 Billion**. Jika dibandingkan dengan tempoh yang sama, iaitu dari Julai 2017 hingga Jun 2018, jumlah ketibaan pelancong asing adalah **25,751,934 orang** dengan pendapatan **RM83.00 Billion**. Ini menunjukkan bahawa ketibaan pelancong asing telah meningkat sebanyak **2.7%** pada tempoh tersebut, manakala pertambahan pendapatan pula adalah sebanyak **4.7%**.

NO. SOALAN: 4

Manakala, bagi tempoh **separuh tahun pertama** dari **Januari hingga Jun 2019** jumlah ketibaan pelancong asing adalah seramai **13,354,575 orang**, meningkat sebanyak **+4.9%** berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas (12,730,368). Hasil pendapatan daripada perbelanjaan pelancong asing pada tempoh tersebut adalah sebanyak **RM41.69 bil.**, iaitu meningkat sebanyak **+6.8%** berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas (RM39.01 bil.).

Berikut adalah **lima pasaran utama** bagi **ketibaan pelancong asing** ke negara ini bagi tempoh **Januari hingga Jun 2019** berbanding tempoh pada tahun yang lepas:

Jadual 1: Ketibaan Pelancong Asing ke Malaysia dari Lima Pasaran Utama bagi Tempoh Januari hingga Jun 2019

NO.	PASARAN	KETIBAAN PELANCONG ASING		
		JAN – JUN 2019	JAN – JUN 2018	Perubahan (%)
1.	SINGAPURA	5,381,566	5,195,226	3.6
2.	INDONESIA	1,857,864	1,615,210	15.0
3.	CHINA	1,558,782	1,464,911	6.4
4.	THAILAND	990,565	951,050	4.2
5.	INDIA	354,486	307,755	15.2

NO. SOALAN: 4

Berikut pula adalah **lima pasaran terpilih** bagi **purata perbelanjaan per kapita pelancong asing** bagi tempoh **Januari hingga Jun 2019** berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas:

**Jadual 2: Purata Perbelanjaan Per Kapita Pelancong Asing ke
Malaysia bagi Lima Pasaran Terpilih bagi Tempoh
Januari hingga Jun 2019**

NO.	PASARAN	PURATA PERBELANJAAN PER KAPITA PELANCONG ASING (RM)		
		JAN – JUN 2019	JAN – JUN 2018	Perubahan (%)
1.	ARAB SAUDI	11,376.9	10,732.7	6.0
2.	UNITED KINGDOM	5,241.5	4,612.3	13.6
3.	KANADA	4,593.1	3,660.1	25.5
4.	CHINA	4,546.0	3,948.0	15.1
5.	AMERIKA SYARIKAT	4,537.9	3,633.0	24.9

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 5

PR-1423-L06493

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan liputan terkini sistem komunikasi selular di kawasan penempatan Orang Asli mengikut jenis sambungan 2G, 3G, dan 4G serta rancangan Kementerian dan sasaran tarikh siap projek penambahbaikan sistem telekomunikasi selular ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan liputan komunikasi di kawasan luar bandar termasuklah di kawasan perkampungan Orang Asli.

SOALAN NO: 5

2. Daripada 853 perkampungan Orang Asli di seluruh negara, sebanyak 82% ataupun 702 buah kampung telah mendapat liputan 3G manakala sebanyak 42% ataupun 365 buah kampung telah menerima liputan 4G.
3. SKMM juga sedang merancang untuk menyediakan infrastruktur dan menambah baik liputan perkhidmatan secara menyeluruh di seluruh kawasan perkampungan Orang Asli. Adalah dijangkakan bahawa penambahbaikan perkhidmatan jalur lebar di kawasankawasan tersebut akan siap dilaksanakan secara berperingkat menjelang 2023.
4. Pada masa ini, pihak SKMM sedang merancang NFCP 4 yang akan melibatkan penyediaan dan penambahbaikan liputan selular dan jalur lebar yang dianggarkan di 151 kawasan penempatan orang asli di seluruh negara yang pelaksanaannya dijangka bermula pada tahun 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 6

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan daripada 9 projek PPR yang telah diumumkan untuk diteruskan oleh Kerajaan PH berapa projek yang telah mula dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2019, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan sebanyak 15 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu bagi tahun 2019. Namun begitu, projek-projek ini belum melalui proses perolehan untuk pelantikan kontraktor.
2. Proses perolehan tersebut masih tertangguh kerana sebahagian besar tapak cadangan PPR tersebut adalah milik persendirian yang mana tidak membolehkan tender terbuka dilaksanakan. Hal ini adalah selaras dengan arahan Kementerian Kewangan (MOF) bertarikh 29 Jun 2018 supaya setiap perolehan kerja bagi projek Kerajaan hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka.
3. Walau bagaimanapun, KPKT komited untuk meneruskan projek-projek PPR tersebut selaras dengan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) di mana keluasan baru PPR adalah 900 kaki persegi. Kementerian juga akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mendapatkan cadangan tapak tanah Kerajaan Negeri yang sesuai di dalam meneruskan projek PPR yang telah diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU
KAWASAN : SARIKEI
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN WONG LING BIU minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah peranan Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. dalam pembinaan Lebuhraya Utara dan berapa banyak jumlah yang sudah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat ini setakat ini dan berapa banyak lagi baki yang perlu dibayar sehingga projek ini selesai.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner – PDP) untuk melaksana projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak berdasarkan *Key Performance Indicator* iaitu tempoh masa, kos dan kualiti yang ditetapkan.

Selaras dengan usaha Kerajaan mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi yang tinggi kepada Negara, Kerajaan telah bersetuju dengan penamatan Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner - PDP) di mana notis penamatan telah dikeluarkan pada 20 September 2019. Berikutan itu projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak akan mengguna pakai kepakaran teknikal sedia ada secara konvensional. Berhubung jumlah pembayaran yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd., sebanyak RM3.9 bilion telah disalurkan bagi tujuan pembayaran tuntutan kemajuan kerja oleh Kontraktor Pakej Kerja (Work Package Contractor – WPC).

Secara keseluruhannya, Kerajaan menjangkakan penjimatan kepada kos pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak berjumlah RM1.2 bilion apabila Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Sarawak mengambil alih pelaksanaan projek sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGKAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 8

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah status terkini Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan kesan positif terhadap masa depan usahawan muda Bumiputera dalam negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) pada 11 Julai 2019 yang lalu. Perancangan dan formulasi strategi di bawah DKN2030 telah dirangka dengan mengambil kira faktor jangka pendek, sederhana dan panjang serta garis masa bagi menyusun rancangan pelaksanaan yang berkesan ke arah mencapai hasrat Negara Keusahawanan Unggul menjelang tahun 2030.

2. DKN2030 telah menggariskan lima sasaran untuk dicapai dalam tempoh jangka sederhana pada tahun 2025 dan jangka panjang menjelang tahun 2030, seperti berikut:

- (i) memperbaiki dan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam indek-indeks antarabangsa berkaitan keusahawanan seperti

Global Entrepreneurship Index, Global Competitiveness Index, Global Innovation Index dan Ease of Doing Business;

- (ii) meningkatkan sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke 50% menjelang tahun 2030;
- (iii) meningkatkan penyediaan pekerjaan yang dijana oleh PKS kepada 80% menjelang tahun 2030;
- (iv) meningkatkan sumbangan PKS kepada nilai eksport ke 30% menjelang tahun 2030; dan
- (v) meningkatkan sumbangan perolehan Koperasi kepada RM60 bilion menjelang tahun 2030.

3. Sehingga 2018, PKS telah menyumbang sebanyak 38.3% kepada KDNK negara dan peluang pekerjaan yang dijana oleh PKS sebanyak 66.2%. Selain itu, pada tahun 2018, PKS telah menyumbangkan sebanyak 17.5% kepada nilai eksport negara dan sumbangan perolehan koperasi bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM40.3 bilion.

Yang di-Pertua,

4. Strategi dan inisiatif di bawah DKN2030 adalah signifikan bagi mewujudkan sebuah ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lengkap dalam melahirkan usahawan yang berkualiti dan berjaya merangkumi usahawan muda Bumiputera.

5. MED melalui agensi-agensi di bawahnya telah merangka pelbagai program bagi menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia dan usahawan muda Bumiputera. Sejak diperkenalkan pada tahun 2014, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) telah berjaya melatih 4,380 belia Bumiputera dan mewujudkan 9,955 pekerjaan baharu. Program ini turut dirasionalisasikan dan diperkukuhkan dengan penyertaan Orang Asli dan Orang Kelainan Upaya bagi meluaskan inklusiviti dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

6. Selain itu, melalui Program Pembiayaan Usahawan Siswazah (PPUS), sehingga Ogos 2019 sebanyak RM30,642,000.00 pembiayaan telah dimanfaatkan kepada 1,506 orang usahawan graduan dan 456 orang usahawan telah mendapat pembiayaan melalui Program Agropreneur Muda (PAM) bernilai RM17,127,932.00.

7. Manakala program latihan keusahawanan *PROTÉGÉ Reach-Out & Awareness* dan *Awareness by GLC* yang melibatkan kerjasama antara pihak industri, agensi dan universiti di seluruh Malaysia sehingga September 2019, program ini telah membantu 24,385 belia. Melalui program ini telah memupuk minat belia, pelajar dan graduan terhadap bidang keusahawanan dan menjadikan bidang ini sebagai kerjaya utama selepas bergraduasi. Melalui program *PROTÉGÉ Business Accelerator* pula, seramai 36 anak muda telah diperkasa sebagai usahawan di mana usahawan muda ini diberikan latihan intensif bagi meningkatkan kemahiran dan produktiviti syarikat.

8. Selain itu, sebanyak 34,790 usahawan muda Bumiputera telah dibangunkan melalui program-program khas di bawah *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC) berdasarkan keperluan ekosistem keusahawanan bermula di peringkat ideasi dan prototaip, pengkomersialan serta perkembangan pasaran sehingga ke peringkat ASEAN. Pembangunan usahawan di bawah MaGIC ini meliputi pelbagai jenis keusahawanan termasuk keusahawanan sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kelebihan skim "Rent-to-Own" (RTO), program Sewa Milik kediaman selama 10 tahun bagi pemohon yang berjaya dalam pengundian untuk Kediaman PR1MA tetapi gagal mendapatkan kelulusan pinjaman daripada bank panel PR1MA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Skim “Rent-to-Own” (RTO) adalah skim yang ditawarkan kepada bakal pembeli B40 yang tidak layak mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Walau bagaimanapun, skim RTO ini hanya ditawarkan kepada pembeli rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki dan masih belum dibuka kepada pembeli rumah PR1MA.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi membantu golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah PR1MA, suatu skim pembiayaan perumahan khas sedang dirangka iaitu “Shared Ownership”. Melalui skim ini, pembeli dapat membeli rumah dengan pembiayaan serendah 60% dari harga rumah dan penyelesaian baki 40% boleh dibuat pada masa hadapan (contohnya pada tahun ke-20) apabila pendapatan serta kemampuan pembeli semakin bertambah baik. PR1MA sedang bekerjasama dengan beberapa institusi kewangan bagi menjayakan skim ini dan dijangka akan dilancarkan pada tahun 2020

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 17.10.2019 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sistem grid di kawasan Sebu, Peking, Long Teran, Long Jegan dan kawasan Lapok Tinjar dan status projek BALB Di kawasan Lubok Nibong Marudi dan Long Laput Baram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) kawasan Sebu, Peking dan kawasan Lapok Tinjar dilaksanakan melalui Projek BELB Sambungan Talian Grid Zon 1 (Limbang, Miri dan Bintulu) Negeri Sarawak Tahun 2015 – 2016 (Reka dan Bina) yang mula dilaksanakan pada 16 September 2015 dan tarikh siap asal pada 15 September 2017 dengan kos berjumlah RM81.3 juta. Projek ini telah diberi dua (2) kali lanjutan masa dengan tarikh siap baru pada 15 September 2018.
2. Status kemajuan fizikal pelaksanaan projek ini yang melibatkan skop membekal dan memasang talian grid 33kV, 11kV dan 0.415kV adalah 18% berbanding jadual 100%.
3. Untuk makluman Yang Berhormat jua, berlaku kelewatan dalam penyiapan projek ini disebabkan oleh masalah kewangan serius yang dihadapi kontraktor sehingga tiada sebarang kemajuan fizikal di tapak projek.
4. Kontraktor pada masa ini sedang dikenakan denda bagi kelewatan penyiapan projek. Pelbagai usaha dan perbincangan telah dilakukan oleh Kementerian yang turut melibatkan Kerajaan Negeri Sarawak. Hasil perbincangan, Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju untuk membantu Kementerian dalam mengambil alih dan menyiapkan baki projek yang mana kemajuan kerja adalah kurang daripada 80% menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Pengambil alihan projek oleh Kerajaan Negeri Sarawak dijangka selesai pada bulan November 2019 dan projek dijangka disiapkan pada bulan Jun 2020.
5. Untuk makluman Yang Berhormat, projek bekalan elektrik secara talian grid ke Long Teran dan Long Jegan merupakan projek di bawah Kerajaan Negeri Sarawak menerusi Skim Pembekalan Elektrik Luar Bandar (RES). Projek ini di dalam proses kajian fizikal dan dijangka dimulakan pada akhir tahun 2019. Kedua-dua projek ini dijangka siap pada suku tahun kedua 2020.

NO. SOALAN: 10

6. Untuk makluman Yang Berhormat bagi kawasan di Lubok Nibong Marudi terdapat satu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Marudi, Bahagian Miri, Sarawak. Skop projek adalah pemasangan paip pelbagai saiz sepanjang 77.24km serta pembinaan sebanyak 3 tangki simpanan dan 3 pam penggalak. Kos projek kerja adalah sebanyak RM38.4juta. Kontraktor projek ini telah dilantik pada 15 Mac 2019 dengan kemajuan fizikal projek setakat September 2019 adalah 14.31% sebenar berbanding 14.18% mengikut jadual.

7. Manakala, bagi kawasan Long Laput, Miri terdapat satu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Long Laput, Bahagian Miri, Sarawak. Kos projek ini adalah sebanyak RM12.2 juta dengan skop projek adalah pemasangan paip pelbagai saiz sepanjang 22 km, pembinaan 1 tangki simpanan air dan 3 stesen pam stesen penggalak. Status projek ini adalah sedia untuk ditender.

8. Walau bagaimanapun, semasa peringkat akhir rekabentuk, Perunding yang dilantik memaklumkan Regional Corridor Development Authority (RECODA) Sarawak akan menaiktaraf jalan disepanjang jajaran paip terbabit. Beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama dengan pihak terbabit bagi menyelesaikan isu ini dengan kadar segera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 11

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang bakal diambil oleh Kementerian bagi membasmi penyakit demam denggi sebagaimana penyakit malaria yang menurun pada tahun 2018 memandangkan bilangan kes denggi yang dilaporkan tahun 2019 setakat bulan Ogos meningkat sebanyak 85% berbanding tahun 2018.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Peningkatan kes denggi bukan saja berlaku di Malaysia malah pada tahun 2019, peningkatan kes denggi antara satu (1) sehingga lapan (8) kali ganda juga berlaku di kebanyakan negara lain seperti Singapura, Filipina, Kemboja, Laos, Vietnam, China dan Taiwan.

Sehingga 21 September 2019, jumlah kumulatif kes denggi dilaporkan adalah 97,834 kes berbanding 53,683 kes bagi tempoh yang sama tahun 2018, peningkatan sebanyak 82.2% (44,151 kes). Manakala jumlah kumulatif kematian denggi adalah sebanyak 143 kematian berbanding 88 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2018, peningkatan sebanyak 62.5% (55 kes). Lima (5) negeri yang menunjukkan jumlah tertinggi kes adalah Selangor (54,446), Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (12,244), Johor (8,401), Kelantan (4,357), Sabah (3,887), Pulau Pinang (3,574) manakala 10 negeri yang lain merekodkan jumlah kes kurang daripada 3,000.

Penyakit denggi dan malaria merupakan penyakit bawaan vektor iaitu nyamuk. Penyakit denggi disebarkan melalui nyamuk *Aedes* manakala Malaria disebarkan oleh nyamuk *Anopheles*. Perbezaan ketara dari segi rawatan penyakit adalah penyakit malaria mempunyai rawatan ubat yang spesifik untuk membunuh parasit *plasmodium* manakala penyakit denggi tidak mempunyai rawatan ubat yang spesifik untuk membunuh virus denggi dan juga tiada vaksin untuk pencegahan. Rawatan di dalam penyakit denggi berfokus kepada rawatan simptomatik. Oleh itu, untuk penyakit demam denggi, tindakan pencegahan adalah sangat kritikal bagi menghalang jangkitan daripada berlaku.

Kementerian Kesihatan mengambil serius tentang isu peningkatan kes denggi ini. Tindakan bersepadu bagi membanteras peningkatan kes denggi telah pun dilaksanakan sejak tahun 2014 melalui pelbagai kementerian, jabatan dan agensi dengan tertubuhnya Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi dan Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian dan Peringkat Negeri. Pasukan Petugas Khas Denggi bermesyuarat setiap dua (2) minggu sekali dan menjadikan agenda tetap aktiviti membanteras denggi sebagai usaha untuk memastikan semua pihak, termasuk masyarakat, melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi mengikut peranan dan bidang kuasa masing-masing.

Antara tindakan bersepadu yang telah dijalankan oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam Pasukan Petugas Khas Denggi adalah:

- i. Aktiviti penguatkuasaan bersepadu oleh PBT, KKM, CIDB, NIOSH menerusi Operasi Gempur Aedes bilangan 1.0 yang dilakukan dari bulan Januari hingga Mac 2019 dan Operasi Gempur Aedes bilangan 2.0 dari bulan Julai hingga September

2019, disamping itu operasi bersepadu bulanan juga dilakukan secara berkala;

- ii. Aktiviti Gotong-Royong Perangi Aedes dan aktiviti pembersihan persekitaran oleh KPKT (PBT), RELA, PDRM, KPM, PERPADUAN, ATM serta APM yang dilaksanakan bulan Mac dan September 2019;
- iii. Program Patrol Denggi di sekolah dengan penyertaan sebanyak 190 sekolah dan sebanyak 11 penyertaan IPT Bebas Denggi pada tahun 2019 di bawah seliaan KPM. Pasukan Khas Pendidikan Kesihatan (PAKAT) dan Pasukan Sukarelawan COMBI yang terdiri dari komuniti untuk melaksanakan aktiviti 'cari dan musnah' setiap minggu. Di samping itu, pendidikan mengenai denggi melalui lawatan dari rumah ke rumah beserta edaran bahan pembunuh jentik-jentik juga dilakukan;
- iv. KKM juga telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM3.35 juta untuk '*outsourcing*' bagi aktiviti kawalan dan pencegahan Denggi bagi negeri Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan;
- v. KKM juga sedang menggunakan kaedah inovasi kawalan Denggi dengan menggunakan semburan *Outdoor Residual Spraying* (ORS) dilaksanakan di kawasan berstrata hotspot; dan
- vi. KKM juga sedang menjalankan inisiatif inovasi kawalan denggi iaitu pelepasan telur nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* bagi menggantikan populasi nyamuk aedes liar yang membawa virus Denggi. Dengan kehadiran bakteria *Wolbachia* dalam nyamuk *Aedes*, ia akan merencatkan perkembangan virus denggi dalam badan nyamuk dan mengurangkan risiko jangkitan virus Denggi kepada manusia lain. Operasi ini dilakukan berikutan keputusan kajian IMR yang dapat mengurangkan 50-70% kes denggi di lokaliti kajian. Fasa pertama operasi ini telah dijalankan di 11 lokaliti lain di Daerah

NO SOALAN : 11

Petaling dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan hasil inovasi ini masih dalam penelitian.

Justeru, untuk mengurangkan kes dan kematian denggi memerlukan tindakan pencegahan dari semua lapisan termasuk individu, komuniti, agensi lain dan semua Ahli Parlimen di dewan ini.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH (PAYA BESAR)

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 12

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar) minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan :-

- a) perkembangan terkini syarikat-syarikat yang telah diberikan lesen CASP oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; dan
- b) galakan Kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat ini mendapatkan hak penyiaran dari luar negara seperti saluran HBO supaya rakyat memiliki lebih banyak pilihan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod terkini Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), terdapat 54 buah syarikat yang telah dianugerahkan lesen CASP untuk menjalankan perkhidmatan aplikasi kandungan seperti penyiaran TV secara digital, protokol Internet mahupun satelit dan radio terrestrial.
2. Di antara tahun 2016 hingga 2018, terdapat 13 syarikat yang telah memperolehi lesen CASP dengan tujuan melancarkan perkhidmatan siaran TV

Digital. Di antara syarikat-syarikat tersebut, 3 syarikat telah menyerahkan kembali lesen mereka dan 1 syarikat telah melancarkan perkhidmatan IPTV. Syarikat-syarikat yang lain dijangka melancarkan perkhidmatan selepas siaran TV Digital dilaksanakan sepenuhnya menjelang 31 Oktober 2019.

3. Syarikat-syarikat ini akan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan TV Digital. Mereka akan memberi lebih banyak pilihan kandungan kepada rakyat dengan menyediakan kepelbagaian kandungan dan menawarkan aplikasi baharu seperti membeli-belah dalam talian, informasi semasa, pendidikan interaktif dan rancangan-rancangan yang lain.

4. Syarikat-syarikat penyiar yang memegang lesen CASP akan memperolehi kandungan yang bersesuaian berdasarkan sasaran penonton masing-masing.

5. Turut dimaklumkan bahawa, hak penyiaran untuk kandungan atau sesuatu saluran, termasuk kandungan dari luar negara adalah berdasarkan rundingan secara komersil. Setiap syarikat penyiar yang ingin memperolehi kandungan tersebut perlulah berurusan dengan pembekal kandungan secara langsung, tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh pembekal kandungan.

6. Sesetengah pembekal kandungan akan menyesuaikan kandungan mengikut keperluan syarikat-syarikat penyiar, manakala pembekal kandungan yang lain pula hanya menawarkan kandungan secara eksklusif untuk tempoh masa yang tertentu. Isu-isu komersil seperti itu dikendalikan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat penyiar tanpa campur tangan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 17.10.2019 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan di Sarawak, Jawatankuasa pemilihan atau Focus group yang di pertanggungjawabkan bagi pemilihan penerima bantuan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) terdiri daripada ketua-ketua kaum dan wakil agensi- agensi di bawah pegangan Kerajaan Negeri. Apakah kewajaran mengekalkan mekanisme ini sebab kaedah kini tidak menampakkan bantuan ini adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa mengekalkan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri bagi menyalurkan bantuan rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Ini bagi memastikan bantuan dapat disampaikan kepada kumpulan sasar dengan lebih berkesan.
2. Sebagai makluman Yang Berhormat, sumber data utama bagi permohonan bantuan PPRT adalah melalui Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) dan senarai daripada *Focus Group* Daerah/ Negeri. Walau bagaimanapun, penerimaan bantuan tidak terhad kepada dua sumber ini sahaja.
3. Kementerian turut memberi perhatian terhadap aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) dan menerima permohonan secara individu/ berkelompok yang dihantar terus kepada Kementerian. Wakil Rakyat turut boleh mengemukakan permohonan terus kepada Kementerian.
4. Selain itu, bagi memastikan tiada golongan yang tertinggal, Kementerian turut mengadakan program *search and assist* yang dilaksanakan oleh pegawai kementerian serta agensi. Kepelbagaian sumber permohonan PPRT memastikan bantuan dapat diberikan dengan lebih menyeluruh.
5. Permohonan yang diterima sama ada melalui sistem eKasih, *focus group* atau permohonan terus akan melalui proses siasatan oleh agensi pelaksana Kementerian. Kelulusan ditentukan di peringkat Kementerian mengikut tatacara pelaksanaan PPRT yang telah digariskan serta jumlah peruntukan semasa.
6. Kementerian berpandangan bahawa mekanisme yang diguna pakai masih lagi bersesuaian pada masa ini. Kementerian bersedia menerima pandangan dan cadangan untuk menambah baik pelaksanaan bantuan dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 14

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan: -

- (a) berapa jumlah pesakit buah pinggang di daerah Dabong dan berapakah jarak pusat rawatan terdekat untuk pesakit buah pinggang; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang membina sebuah pusat dialisis di kawasan Dabong dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga September 2019, terdapat tujuh (7) orang pesakit buah pinggang yang berasal dari Daerah Dabong sedang mendapat rawatan haemodialisis. Antara mereka, empat (4) orang pesakit mendapatkan rawatan di Hospital Jeli (50 km daripada Dabong) manakala tiga (3) lagi di Hospital Kuala Krai (75 km daripada Dabong).

Buat masa ini, Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk membina sebuah pusat dialisis di daerah Dabong memandangkan bilangan pesakit buah pinggang yang memerlukan perkhidmatan

dialisis dari daerah Dabong tidaklah begitu ramai dan kemudahan sedia ada masih dapat menampung bilangan pesakit.

Pada masa kini, KKM sedang memperluaskan kaedah rawatan bagi pesakit buah pinggang secara *Peritoneal Dialysis (PD) preferred policy* di mana rawatan ini dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan adalah lebih menjimatkan berbanding hemodialisis memandangkan pesakit tidak perlu kerap berulang-alik ke pusat dialisis untuk rawatan. Namun demikian, dalam mana-mana kaedah rawatan sekali pun, pemindahan buah pinggang adalah lebih digalakkan sekiranya terdapat penderma yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID [KAPAR]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan komitmen dalam mengutamakan pembinaan rumah mampu milik mengikut permintaan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara komitmen Kerajaan dalam mengutamakan pembinaan rumah mampu milik adalah melalui penyediaan 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun (Julai 2018 hingga 2028). Sebanyak 39,864 unit rumah telah disiapkan dalam tempoh Julai 2018 hingga 30 Jun 2019. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga sedang mengadakan konsultasi dan perbincangan berterusan bersama pihak Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan untuk mengkaji dan menetapkan kaedah terbaik supaya pelaksanaan projek perumahan terutamanya projek rumah mampu milik dapat diberikan kelulusan atau pengecualian khas seperti:

- i. pengurangan caj premium tanah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri;
 - ii. penyediaan tapak yang strategik oleh pihak Kerajaan Negeri bagi pembinaan rumah mampu milik; dan
 - iii. pengecualian atau pengurangan caj sumbangan utiliti, di mana pembekal perkhidmatan utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat Air Negeri, TELEKOM dan Indah Water Konsortium (IWK) menyediakan sendiri kemudahan utiliti di kawasan perumahan tersebut.
2. Usaha ini diharap dapat membantu mengurangkan kos pembangunan projek perumahan dan secara tidak langsung menurunkan harga rumah di pasaran yang seterusnya dapat membantu Kerajaan dan pihak pemaju perumahan swasta untuk meningkatkan lagi penawaran rumah terutamanya rumah mampu milik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]

TARIKH : 17.10.2019 (KHAMIS)

SOALAN

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR menyatakan apakah status Mara Digital di Medan MARA Kuala Lumpur, Shah Alam, Kuantan dan Johor Bahru. Apakah MARA akan menambahkan pembukaannya di negeri lain seperti yang telah dirancang dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Status MARA Digital di Medan MARA Kuala Lumpur, Shah Alam, Kuantan dan Johor Bahru sehingga September 2019 adalah seperti berikut:

- i. MARA Digital Menara MARA masih beroperasi dengan 11 lot dan 16 kiosk melibatkan 11 orang usahawan dengan jumlah jualan tahunan sebanyak RM4,670,250.00 (setakat Ogos 2019).
- ii. MARA Digital Shah Alam telah dihentikan operasi pada Mac 2018 yang lalu bagi kerja-kerja menaik taraf premis berkenaan kepada Pusat Transformasi Bandar (UTC) Shah Alam. UTC Shah Alam telah beroperasi pada 15 Ogos 2018. MARA Digital Shah Alam tidak lagi diteruskan dan kini MARA hanya menjalankan perniagaan berkonsepkan ICT menggunakan kiosk sahaja.
- iii. MARA Digital Kuantan dihentikan operasi pada Disember 2018 dan MARA Digital Johor Bahru pada Februari 2019 memandangkan kadar jualan yang rendah dan tidak setimpal dengan kos operasi perniagaan yang dikeluarkan telah menyebabkan Anchor Tenant/penyewa mengambil keputusan untuk tidak meneruskan operasi di MARA Digital.

2. Sekiranya terdapat keperluan pembukaan MARA Digital, MARA akan membuat kajian terperinci serta analisa kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi memastikan ia dapat memberi manfaat kepada usahawan-usahawan ICT yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN
BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian ada merangka suatu pelan strategik bagi membangunkan industri kraf tangan yang merangkumi seluruh kraf tangan mengikut etnik di Malaysia terutamanya dalam membantu meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar agar produk kraf tangan ini mampu menembusi pasaran antarabangsa serta mampu membawa imej unik kepelbagaian di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) telah menyediakan pelan strategik bagi membangunkan industri kraf dengan penetapan hala tuju sehingga 2030 iaitu “**Kraf Memperkasa Sosioekonomi Rakyat**”. Pelan strategik ini dirangka secara menyeluruh selari dengan aspirasi yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu “Kemakmuran Bersama (*Shared Prosperity*)”. Di bawah teras strategik memperkukuhkan kesejahteraan sosial, industri kraf berupaya untuk meningkatkan kualiti hidup, mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana ekonomi rakyat. Penekanan diberikan kepada tiga (3) teras utama yang digariskan iaitu Pemerkasaan Komuniti Kraf, Pembangunan

Modal Insan serta Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Perlindungan. Pendigitalan pula merupakan pembolehubah (*enabler*) yang menyokong pelaksanaan ketiga-tiga teras tersebut.

1) Pemerkasaan Komuniti Kraf

Pemeriksaan Komuniti Kraf merupakan inisiatif untuk memperkasakan rangkaian komuniti kraf yang terdiri daripada pembuat (tukang kraf), usahawan, pedagang, pembekal bahan mentah serta kumpulan-kumpulan baru yang terlibat dalam industri kraf. Pemeriksaan ini memberi kesan langsung kepada usaha untuk melonjak dan meluaskan pasaran produk kraf tanpa sempadan berdasarkan strategi Pembangunan Komuniti Kraf Yang Mampan dan Berdaya Saing. Strategi ini memfokuskan kepada usaha membangun usahawan dan komuniti kraf baru serta memperkasa usahawan sedia ada bagi meningkatkan nilai jualan kraf menerusi penglibatan usahawan serta tenaga kerja yang lebih ramai dalam industri kraf menjelang tahun 2030. Strategi Pengkomersialan Kraf pula tertumpu kepada pembangunan reka bentuk produk kraf mengikut trend semasa menerusi penggunaan teknologi disruptif. Pelaksanaan kajian dan pembangunan standard produk, pembangunan saluran pemasaran kraf secara fizikal dan digital serta pengukuhan aktiviti publisiti juga akan dilaksanakan bagi menyokong sepenuhnya teras tersebut. Strategi pengkomersialan juga akan membawa produk kraf bukan hanya diperkasakan di peringkat domestik malahan hingga ke peringkat antarabangsa.

2) Pembangunan Modal Insan

Pembangunan Modal Insan merupakan pelaburan utama kepada kelestarian industri kraf negara menerusi strategi membangun dan mengukuhkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan pintar teknologi menjelang tahun 2050. Terdapat tiga (3) strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat ini iaitu Pembangunan Pusat Kecemerlangan Industri Kraf menerusi Institut Kraf Negara (IKN) sebagai *Centre of Excellence (CoE)* yang

bukan sahaja menawarkan pengajian kemahiran kraf secara formal tetapi juga pewujudan *Craft Creative Studio (CCS)* dan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) serta peningkatan kemahiran berasaskan industri merangkumi TVET, *Teaching Factory* dan *Master Coaching*. Penggunaan Teknologi Pintar juga akan diperkenalkan menerusi persekitaran pembelajaran digital dengan menggunakan konsep *Blended Learning*, *e-Book*, *Campus Management Systems (CMS)* dan Pembangunan Kerjaya.

3) Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Perlindungan

Teras ini memelihara dan melindungi seni kraf warisan tempatan yang menjadi lambang dan identiti kebudayaan Malaysia. Ia merupakan keseimbangan antara pembangunan industri kraf dan pengekal jati diri bangsa dalam kalangan masyarakat. Dua (2) strategi telah dikenalpasti dan dirancang secara inklusif iaitu Memelihara dan Memulihara Kraf Warisan menerusi pengiktirafan dan memperkasakan peranan Tokoh Kraf Negara dan Adiguru Kraf, pendokumentasian kraf warisan, pemerkasaan Pengembangan Ilmu Kraf serta memantapkan fungsi Muzium dan Galeri Kraf Warisan sebagai pusat rujukan seni kraf warisan negara. Strategi Melindungi Kraf Warisan pula merupakan usaha untuk mengadakan kerjasama strategik bersama sektor awam, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi pengiktirafan di peringkat Kebangsaan dan antarabangsa.

Secara ringkasnya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) sentiasa berusaha menjaga kepentingan usahawan dan industri kraf negara melalui pembangunan komuniti, usahawan serta pertumbuhan industri kraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 17.10.2019 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha yang akan dibuat bagi memastikan keperluan asas seperti jaringan jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik dapat disediakan kepada masyarakat kampung yang berada di kawasan pedalaman dan terpencil terutamanya di kawasan Parlimen yang luas seperti Parlimen Kinabatangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) , Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Luar Bandar (JALB) adalah bergantung kepada senarai keutamaan yang dipohon oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah. Bagi memastikan pelaksanaan projek lebih terarah dan efisien, Kementerian sentiasa mengadakan sesi libat urus dengan pihak UPEN bagi menyelaraskan dan membuat semak silang senarai projek-projek sebelum dimajukan ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk kelulusan peruntukan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, bagi memastikan pelaksanaan projek adalah seperti yang dirancang, Kementerian dan Kerajaan Negeri Sabah telah mewujudkan tiga jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Luar Bandar dan YAB Ketua Menteri Sabah, Jawatankuasa Bersama di peringkat Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Jawatankuasa Teknikal di peringkat Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) dan Setiausaha Tetap KPLB Sabah. Perbincangan antara Kementerian dan agensi-agensi terlibat juga dijalankan secara berkala bagi memastikan projek keperluan asas seperti jaringan jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik dapat disediakan kepada masyarakat luar bandar di seluruh negara khususnya di Parlimen Kinabatangan.
3. Untuk makluman Yang Berhormat jua, sepanjang RMKe-11(2016-2019) sebanyak RM3.12 bilion telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek-projek JALB, BELB dan BALB di Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM707.93 juta telah diperuntukkan kepada Parlimen Kinabatangan yang merangkumi 13 buah projek JALB, BELB dan BALB.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan minta status terkini laporan hala tuju PRIMA dan senarai tindakan segera yang telah digariskan berdasarkan laporan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri melalui Mesyuarat pada 3 Ogos 2018 telah memutuskan agensi-agensi perumahan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai usaha rasionalisasi entiti perumahan negara.

2. Oleh itu, KPKT telah melaksanakan pengauditan (*due-diligence*) pengurusan dan kewangan ke atas agensi rasionalisasi perumahan ini melalui pihak perunding yang telah dilantik oleh Kerajaan. Pelaksanaan pengauditan (*due-diligence*) ini merupakan satu keperluan mendesak dalam usaha menjayakan rasionalisasi perumahan negara dalam mengenal pasti kedudukan semasa setiap agensi serta cadangan struktur *business* model baru bagi agensi berkenaan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, hasil pengauditan (*due-diligence*) terhadap polisi, kewangan dan *business model* PR1MA mendapati PR1MA perlu membaiki kedudukan kewangan untuk meneruskan projek pembangunan yang sedang dilaksanakan. Oleh yang demikian, daripada 131 fasa projek yang telah dirancang dengan nilai RM25.64 bilion, sebanyak 56 fasa projek dibatalkan iaitu bernilai RM9.98 bilion. Hasil penilaian yang telah dibuat menunjukkan hanya 75 fasa projek dapat diteruskan. Status kemajuan di tapak untuk semua projek ini melebihi 50% pembinaan dan mempunyai Lesen Pemajuan Perumahan Dan Permit Iklan Jualan (APDL).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN
HAMZAH [JASIN]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 20

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) pencapaian terkini Bajet 2019 (dalam bentuk peratusan) berbanding sasarannya; dan
- (b) jumlah yang telah dibelanjakan dan jumlah hasil kutipan cukai yang telah diperoleh setakat 31 Ogos 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Ogos tahun 2019, prestasi perbelanjaan mengurus (OE) bagi Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM169.6 bilion iaitu 65.2 peratus daripada jumlah yang telah diluluskan dalam Buku Anggaran Belanjawan. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan (DE) pula, sebanyak RM30.2 bilion iaitu 55.3 peratus telah dibelanjakan daripada jumlah yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2019.

Hasil kutipan cukai sehingga 31 Ogos 2019 adalah sebanyak RM116.2 bilion iaitu 66 peratus daripada jumlah anggaran kutipan hasil yang disasarkan. Prestasi ini adalah selari dengan perancangan Kerajaan bagi tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 21

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan setakat manakah penyertaan orang Islam khususnya usahawan Muslim dalam bidang ekonomi dan perniagaan di negara ini serta nyatakan apakah langkah Kerajaan bagi meningkat dan memperkasakan ekonomi orang Islam khususnya usahawan Muslim di negara ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN2030) pada 11 Julai 2019 yang menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan negara merentasi semua bidang industri dan merangkumi setiap peringkat usahawan dan masyarakat di Malaysia.
2. Berdasarkan unjuran warganegara Malaysia pada tahun 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), jumlah populasi Bumiputera adalah mewakili hampir 70% iaitu bersamaan dengan 20.07 juta orang. Manakala 39% syarikat yang berdaftar sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah merupakan usahawan Bumiputera termasuk usahawan Muslim.

3. MED sentiasa berusaha untuk merancang dan merangka pelbagai langkah dan usaha bagi meningkatkan dan memperkasakan lagi ekonomi orang Islam. Di bawah DKN2030 umpamanya telah menggariskan strategi dan inisiatif untuk membantu usahawan termasuk usahawan Muslim melalui Teras-Teras Strategik DKN2030 seperti berikut:

- (i) Teras Strategik Pertama Membudayakan Keusahawanan Dalam Segenap Lapisan Masyarakat bagi meningkatkan bilangan komuniti usahawan dan kemahiran keusahawanan termasuk dalam kalangan masyarakat Bumiputera dan Muslim;
- (ii) Teras Strategik Kedua Mengoptimumkan Sistem Kawalselia Dan Capaian Kepada Pembiayaan Kewangan bagi menambahbaik akses pembiayaan dan sistem kewangan yang inklusif untuk semua usahawan;
- (iii) Teras Strategik Ketiga Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik bagi menggalakkan penglibatan rakyat dalam bidang keusahawanan dengan memberi tumpuan khusus kepada masyarakat Bumiputera dan Muslim melalui penyediaan sokongan dan bantuan dalam bentuk program, insentif pembiayaan dan latihan keusahawanan untuk menarik minat mereka terlibat secara serius dalam bidang keusahawanan;
- (iv) Teras Strategik Keempat Memacu Pertumbuhan Ekonomi Melalui Perusahaan Berteraskan Inovasi bagi menggalakkan usahawan Bumiputera Muslim mengguna pakai teknologi dan ekonomi digital serta menghasilkan produk inovasi yang mempunyai nilai tambah;
- (v) Teras Strategik Kelima Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana untuk melonjakkan usahawan Bumiputera Muslim ke tahap yang lebih tinggi; dan

- (vi) Teras Strategik Keenam Mengantarabangsakan Perusahaan Berpertumbuhan Tinggi dengan memudahcara akses kepada perusahaan tempatan khususnya usahawan Bumiputera Muslim untuk menembusi pasaran antarabangsa.

4. Di bawah Belanjawan 2019 pula sebanyak RM1.19 billion telah diperuntukkan bagi agenda pembangunan Bumiputera merangkumi program pembangunan keusahawan, pendidikan dan modal insan serta pemilikan ekuiti dan kekayaan.

5. MED telah diberi mandat oleh Jemaah Menteri pada 21 Ogos 2019 untuk membangunkan industri Halal dan menerajui Jawatankuasa Pembangunan Industri Halal. Melalui mandat ini, MED telah merancang dan meneroka ruang dan peluang bagi membangunkan usahawan Muslim tempatan dalam industri halal dan telah memulakan langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai pembekal gelatin halal bagi pasaran global. MED juga memainkan peranan dalam memudahcara proses dan prosedur bagi usahawan tempatan memenuhi kriteria untuk mengeksport produk halal ke pasaran antarabangsa.

6. Selain itu, MED turut menyediakan program pembangunan kapasiti dan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera Muslim bagi meningkatkan daya saing perusahaan tempatan ke pasaran global menerusi Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) serta Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) yang bertujuan meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu yang meliputi persijilan halal, khidmat nasihat, latihan dan sokongan kewangan.

7. Usaha pembangunan usahawan Bumiputera Muslim ini turut dipertingkatkan melalui kerjasama bersama agensi Kerajaan yang lain seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan lain-lain organisasi pembangunan keusahawanan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 22

Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sehingga kini, daripada RM400 juta premium yg dibayar Kerajaan untuk program skim mySalam berapakah jumlah tuntutan yang telah diluluskan dan yang masih dalam proses kelulusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Berdasarkan rekod sehingga 25 September 2019, jumlah tuntutan yang telah diluluskan di bawah Skim mySalam adalah sebanyak 8,600 tuntutan dengan jumlah yang telah dibayar sebanyak RM3,196,400. Daripada 8,600 tuntutan yang diluluskan, 6,126 adalah merupakan tuntutan bagi manfaat hospitalisasi manakala 2,474 adalah bagi manfaat penyakit kritikal.

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, perlindungan mySalam mulai 1 Januari 2020 akan dipanjangkan kepada:

- Perlindungan ke atas 45 penyakit kritikal termasuk penyakit terminal dan polio berbanding 36 penyakit sedia ada;
- Individu yang berumur sehingga 65 tahun berbanding dengan 55 tahun sekarang, yang akan memberi manfaat tambahan kepada 1.5 juta individu; dan
- Individu yang mempunyai pendapatan kasar tahunan sehingga RM100 ribu. Mereka akan menerima bayaran penyakit kritikal sebanyak RM4 ribu dan bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari apabila didiagnos dan dimasukkan ke hospital kerajaan. Ini akan memberi manfaat kepada 5 juta individu.

Kerajaan masih lagi mengkaji kesesuaian / keperluan untuk memperluaskan kriteria-kriteria lain yang boleh dilindungi di bawah Skim mySalam, namun ianya adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan dana mySalam sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 23

Y.B. TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) pecahan negara dan pertubuhan institusi kewangan antarabangsa; dan
- (b) perbelanjaan hutang mengikut bidang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir-Jun 2019, **hutang langsung Kerajaan Persekutuan** adalah berjumlah RM799.1 bilion atau 52.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), kekal di bawah paras 55% daripada KDNK. Daripada jumlah berkenaan, 96.3% atau RM769.9 bilion adalah hutang langsung domestik (50.7% daripada KDNK). Sementara itu, baki 3.7% daripada jumlah hutang langsung Kerajaan Persekutuan atau RM29.2 bilion (1.9% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir.

Selain hutang langsung, Kerajaan juga mempunyai **komitmen jaminan yang perlu ditanggung dan dibiayai Kerajaan** yang terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur

pengangkutan awam dan utiliti. Di samping itu, Kerajaan juga menanggung **hutang syarikat 1MDB** serta liabiliti lain seperti **bayaran pajakan kewangan** (*finance lease*) bagi tempoh 2018 – 2047 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan. Bayaran *finance lease* ini adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani melibatkan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2047. Secara keseluruhannya, **jumlah keseluruhan komitmen hutang, jaminan dan liabiliti Kerajaan** dianggarkan berjumlah **RM1.1 trilion**.

Bagi hutang langsung, pinjaman luar pesisir terdiri dolar AS (54.5%) dan yen (44.7%). Jumlah pinjaman luar pesisir bagi tahun 2009 hingga 2019 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah pinjaman luar pesisir (RM bilion)		
	Pinjaman Pasaran	Pinjaman Projek	Jumlah
2009	6.1	7.7	13.8
2010	9.3	7.4	16.7
2011	10.4	7.7	18.1
2012	10.0	6.8	16.8
2013	10.8	6.0	16.8
2014	11.5	5.3	16.8
2015	15.2	6.3	21.5
2016	17.2	6.5	23.7
2017	15.6	5.7	21.3
2018	15.9	5.6	21.5
Jun 2019	23.6	5.6	29.2

Sehingga akhir-Jun 2019, jumlah pinjaman pasaran meningkat kepada RM23.6 bilion berbanding RM6.1 bilion pada 2009 selepas mengambil kira terbitan sukuk global pada tahun 2011, 2015 dan 2016 berjumlah USD3.8 bilion serta bon Samurai (JPY200 bilion) pada Mac 2019. Terimaan daripada terbitan sukuk dan bon ini digunakan untuk kegunaan

am seperti membiayai projek dan program pembangunan termasuk sekolah, hospital, jalan dan menyediakan akses kepada utiliti.

Sementara itu, pinjaman projek berkurang kepada RM5.6 bilion berbanding RM7.7 bilion pada 2019 yang terdiri daripada perjanjian bilateral dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) berjumlah JPY136.4 bilion, Kerajaan Kanada (CAD0.8 juta), Kerajaan Perancis (EUR0.3 juta) dan Kerajaan Sepanyol (USD4.1 juta) serta perjanjian multilateral dengan Asian Development Bank berjumlah USD9.2 juta dan Islamic Development Bank (ISD37.6 juta). Pinjaman projek ini digunakan untuk membiayai program dan projek infrastruktur khusus sedia ada seperti universiti, pembentungan dan empangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Semua pinjaman yang dibuat Kerajaan Persekutuan adalah bertujuan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan sahaja. Bagi tahun 2019, Kerajaan memperuntukkan RM53.7 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Dari segi pecahan mengikut sektor, sektor ekonomi adalah penerima peruntukan terbesar merangkumi 53.7% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan diikuti sektor sosial 28%, keselamatan 12.5% dan pentadbiran am 5.8%. Perbelanjaan bagi sektor ekonomi pada 2019 dianggarkan RM28.8 bilion dan ditumpukan kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan awam, peningkatan aktiviti perdagangan dan perindustrian, penambahbaikan kemudahan awam serta mempergiat pertanian dan pembangunan luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kewajaran kempen Pemilikan Rumah (HOC) khas bagi warga Hong Kong dan China serta manfaat yang bakal diperolehi oleh masyarakat tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC) bagi Suku Pertama 2019 (Jan - Mac), bilangan rumah mewah tidak terjual yang berharga RM1 juta dan ke atas adalah sebanyak 4,331 unit dengan nilai RM8.7 bilion. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memberi keutamaan terhadap jumlah ini bagi memastikan unit-unit rumah mewah ini terjual dan tidak menjejaskan ekonomi negara.
2. Justeru, salah satu daripada langkah penyelesaiannya adalah dengan cadangan menjual **rumah-rumah mewah yang tidak terjual ini kepada ekspatriat berkelayakan mengikut mekanisme sedia ada Kerajaan seperti Kempen *Malaysia My Second Home* (MM2H)** dan bukanlah melalui Kempen Pemilikan Rumah *Home Ownership*

Campaign (HOC) seperti yang telah dijelaskan dalam kenyataan media KPKT pada 12 September 2019.

3. Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia sejak tahun 2002 untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merancakkan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, hartanah, pendidikan, perubatan, dan automobil. Warga asing yang berjaya menyertai Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial dengan Visa Masuk Berulang Kali (Multiple Entry Social Visit Pass) untuk tempoh 10 tahun dan boleh diperbaharui. Program ini terbuka kepada semua warga asing yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia tanpa mengira kaum, agama, jantina dan umur. Peserta yang layak dibenarkan untuk membawa pasangan dan anak di bawah umur 21 tahun yang belum berkahwin dan masih dalam tanggungan.

4. Program MM2H mensyaratkan bahawa peserta MM2H dibenarkan untuk mengeluarkan sebahagian simpanan dari Akaun Simpanan Tetap yang mandatori untuk tujuan pembelian hartanah bermula pada tahun kedua penyertaan peserta dalam Program MM2H. Oleh yang demikian, rekod pembelian hartanah yang dijana oleh Pusat MM2H adalah tidak menyeluruh dan adalah bersandarkan permohonan daripada peserta MM2H yang memohon untuk membuat pengeluaran simpanan dari Akaun Simpanan Tetap sahaja.

5. Dari tahun 2002 hingga 2018, sebanyak 43,943 peserta telah diluluskan penyertaan ke program MM2H. Berdasarkan rekod, jumlah pembelian hartanah oleh peserta MM2H dari tahun 2007 sehingga 2018 adalah 5,108 unit. Daripada 43,943 peserta yang berada di Malaysia, hanya 15% atau 5,108 daripada jumlah tersebut yang membeli hartanah rumah di Malaysia dan majoritinya adalah daripada China. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH
[PETALING JAYA]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 25

Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan "*road map*" untuk menjadikan sistem percukaian lebih progresif dan membawa kesan "*retributive*" yang sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang diumumkan oleh Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak setahun yang lalu, Kerajaan telah meneliti sistem percukaian Malaysia bagi menambahbaik dan memperbaharui dasar dan sistem percukaian negara agar selari dengan perkembangan ekonomi semasa. Antara langkah pertama diambil Kerajaan adalah mengenalkan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Selain itu, Jawatankuasa Pembaharuan Cukai [Tax Reform Committee (TRC)] juga telah ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan pada 12 September 2018 bagi menilai sistem sedia ada dan mengesyorkan langkah penambahbaikan sistem percukaian yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan.

TRC yang bekerjasama rapat dengan agensi percukaian utama iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia telah mencadangkan beberapa langkah untuk pertimbangan Kerajaan semasa penyediaan Belanjawan 2019, antaranya:

- i. pengenaan levi pelepasan bagi semua penumpang ke luar negara melalui laluan udara bermula 1 Julai 2019;
- ii. pengenaan duti eksais mulai 1 Julai 2019 pada kadar 40 sen per liter ke atas dua kategori minuman bergula yang dikilangkan dalam bentuk pembungkusan yang sedia diminum;
- iii. Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang telah dilaksanakan mulai 3 November 2018 dan baru sahaja berakhir pada 30 September 2019 bagi memberi peluang kepada pembayar cukai tampil mengisytiharkan secara sukarela sebarang pendapatan yang tidak dilaporkan bagi tujuan cukai termasuk akaun luar pesisir (*offshore account*); dan
- iv. sekatan masa ke atas kerugian perniagaan (*business losses*), baki elaun pelaburan semula (*reinvestment allowances*) dan baki rugi perintis (*pioneer losses*) yang tidak dapat dibawa ke hadapan sehingga 7 tahun taksiran sahaja.

TRC juga telah membuat kajian semula ke atas struktur pemberian insentif percukaian secara menyeluruh dengan fokus diberikan kepada bidang keutamaan semasa. Selain itu, semakan semula juga dibuat ke atas mekanisme pemberian insentif, pemantauan ke atas syarikat yang menerima insentif dan penguatkuasaan ke atas pematuhan syarikat sebagaimana ditetapkan dalam tawaran insentif.

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, banjaran baharu bagi pendapatan bercukai melebihi RM2 juta akan diperkenalkan dan dikenakan cukai pada 30 peratus iaitu kenaikan 2 peratus daripada kadar 28 peratus sedia ada bagi memastikan struktur cukai pendapatan yang lebih progresif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan holistik dan menyeluruh dalam membuat kajian ke atas sistem percukaian negara agar asas percukaian dapat diperluaskan dan dipelbagaikan tanpa meletakkan beban tambahan kepada rakyat. Sebarang perubahan bagi menambahbaik sistem percukaian akan dipertimbangkan berdasarkan elemen kecekapan, peningkatan produktiviti, sifat berkecuali, progresif, dan menggalakkan kemampanan ekonomi jangka panjang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 26

Y.B. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah pasaran saham jatuh daripada 1900 lebih kepada 1500 lebih pada masa sekarang yang melibatkan kerugian lebih RM300 bilion sebagaimana yang dilaporkan dalam media dari masa ke semasa. Adakah Yang Berhormat sedar kejatuhan pasaran ini mengakibatkan beberapa institusi Kerajaan seperti KWSP, TH, FGV dan PNB menghadapi masalah dari segi keuntungan dan lain-lain. Apakah usaha yang telah dibuat untuk memperbetulkan pasaran saham kerana pasaran saham di semua negara jiran sentiasa bergerak cerdas ke hadapan seperti di Singapura, Indonesia, Filipina, Kemboja dan Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 14 Oktober 2019, FBMKLCI mencatat pengurangan sebanyak 6.6% untuk tahun ini. Keadaan ini disebabkan oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global dan ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

Bagi menstabilkan pasaran modal secara berterusan, Bursa Malaysia telah menyediakan pelan perniagaan untuk peningkatan kerancangan aktiviti pasaran saham tempatan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menambah kepelbagaian produk sekuriti dan produk berkaitan yang lain, membangun dan meningkatkan jumlah pelabur, menambah baik dan menyediakan ekosistem yang diperlukan dan mengembangkan pasaran serantau.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana mekanisme Kempen Pemilikan Rumah (HOC) kepada pembeli warga asing dilaksanakan di mana cadangan ini melibatkan 3 Kementerian iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Dalam Negeri:-

- (a) adakah HOC kepada pembeli warga asing akan berintegrasi dengan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H); dan
- (b) apakah langkah atau polisi Kementerian dalam membanteras pembeli warga asing supaya tidak menimbulkan spekulasi pasaran dengan mengaut keuntungan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN (A)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana kenyataan media Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertarikh 12 September 2019, cadangan Kempen Ekspo Perumahan di luar negara dilaksanakan melalui Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan bukanlah kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign - HOC*).
2. Kerajaan tidak berhasrat untuk mengintegrasikan program HOC dan MM2H kerana kedua-dua program berkenaan mempunyai tujuan dan kumpulan sasaran yang berbeza iaitu:
 - (a) HOC merupakan program yang diperuntukkan kepada rakyat Malaysia sahaja bagi memiliki kediaman dengan insentif yang diberikan oleh Kerajaan dan diskaun daripada pihak pemaju.
 - (b) Manakala MM2H merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merancakkan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, hartanah, pendidikan, perubatan, dan automobil. Warga asing yang berjaya menyertai Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial dengan Visa Masuk Berulang Kali untuk tempoh 10 tahun dan boleh diperbaharui.

JAWAPAN (B)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi (kini dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi - MEA) telah mengeluarkan Garis Panduan Perolehan Hartanah berkuat kuasa 1 Mac 2014. Melalui garis panduan ini, warga asing tidak dibenarkan untuk memiliki hartanah bernilai RM1 juta ke bawah. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri turut mempunyai dasar pemilikan hartanah warga asing bagi memastikan pihak pemaju tidak sewenang-wenangnya membina rumah mewah yang bertujuan untuk dijual kepada warga asing tanpa kawalan sehingga menimbulkan spekulasi pasaran harga rumah.

2. Berdasarkan transaksi jual beli hartanah kediaman yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah iaitu 398 orang (0.4%) berbanding pemilikan rumah oleh rakyat Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%) bagi tempoh Januari - Jun 2019. Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran harta tanah kediaman bagi warga asing masih terkawal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]

TARIKH : 17 OKTOBER 2019

SOALAN

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah strategik Kementerian dalam memperhebatkan usaha penyaluran bantuan-bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin dan Syria dan sejauh manakah komitmen Kerajaan dalam usaha membantu menyelesaikan konflik di negara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Baling atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan menghargai keprihatinan rakyat Malaysia yang peka dan mengambil berat mengenai nasib yang menimpa rakyat Palestin dan Syria. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelbagai langkah strategik telah diambil oleh Kementerian untuk memperhebatkan usaha penyaluran bantuan-bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin dan Syria.

3. Secara dasarnya, Malaysia sentiasa tegas menyuarakan pandangan dan pendirian mengenai isu-isu antarabangsa termasuk isu

Palestin dan Syria dalam sebarang platform diplomasi dua hala yang relevan serta fora pelbagai hala seperti di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Malaysia juga turut menggesa masyarakat antarabangsa untuk berdiri bersama dengan pendirian bahawa penyelesaian sesuatu konflik atau jalan ke arah sesuatu pendamaian, hanya dapat dicapai melalui saluran perundangan, politik dan diplomatik dan bukannya dengan kaedah ketenteraan.

Pendirian Malaysia terhadap isu Palestin acap kali dibangkitkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan-ucapannya semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) termasuk baru-baru ini.

PALESTIN

Tuan Yang di-Pertua,

4. Dalam usaha membantu rakyat Palestin, Kerajaan turut berinteraksi dengan badan bukan Kerajaan (*Non-Government Organisation* – NGO) dari semasa ke semasa. Kerajaan sentiasa menyokong usaha mana-mana pihak dan NGO yang bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada rakyat Palestin. Malaysia bersifat terbuka dalam membantu rakyat Palestin tanpa mengira isu politik dalaman Palestin.

5. Bagi membantu mengurangkan penderitaan rakyat Palestin, Kerajaan telah mewujudkan Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) untuk mengumpul dana sumbangan kepada Palestin. Selain daripada itu, Malaysia turut menghulurkan sumbangan melalui organisasi-organisasi antarabangsa yang memperjuangkan nasib rakyat Palestin.

Contohnya, bantuan kepada rakyat Palestin melalui Agensi Bantuan dan Kerja untuk Penduduk Pelarian Palestin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* - UNRWA) dan Jabatan Hubungan Kemanusiaan dan Kerjasama Antarabangsa, Pertubuhan Kerjasama

Islam (*Organisation of Islamic Cooperation-International Cooperation and Humanitarian Affairs Department* - OIC-ICHAD).

6. Kerajaan juga sedang mengkaji penubuhan sebuah pejabat Kedutaan Malaysia di Palestin. Penubuhan Pejabat Kedutaan ini antara lain dilihat akan dapat membantu dalam menyalurkan sumbangan dari Malaysia kepada rakyat Palestin.

SYRIA

Tuan Yang di-Pertua,

7. Bagi Syria pula, krisis yang dialami negara tersebut berpunca daripada konflik yang melibatkan pelbagai pihak luar dari kalangan pemain negara dan bukan negara, dengan izin *State and non-State actors*. Sungguhpun krisis tersebut telah memasuki tahun ke-sembilan (9), Malaysia tetap peka dan prihatin terhadap perkembangan krisis tersebut. Malaysia secara konsisten menyuarakan bahawa konflik di Syria hanya dapat diselesaikan melalui rundingan dan dialog terangkum yang dipersetujui oleh semua golongan masyarakat Syria.

Dalam hal ini, Malaysia menyokong sepenuhnya usaha-usaha pengantaraan (*mediation*) di bawah naungan PBB yang dipimpin oleh Tuan Yang Terutama Geir Pedersen, Utusan Khas Setiausaha Agung PBB dalam mencari penyelesaian damai yang menyeluruh di Syria.

8. Malaysia turut mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Perlembagaan Syria yang telah diumumkan oleh Setiausaha Agung PBB, António Guterres pada 23 September 2019. Penubuhan jawatankuasa tersebut dilihat sebagai satu langkah terbaik untuk merangka perlembagaan baru negara Syria menerusi platform dialog dan rundingan di bawah naungan PBB.

Di samping itu, ia turut memangkin usaha untuk memperdamaikan pihak Kerajaan Syria dan pembangkang yang sebelum ini bertelagah.

9. Kerajaan juga sentiasa mengalu-alukan keprihatinan NGO Malaysia dalam menyalurkan bantuan-bantuan kemanusiaan bagi meringankan beban dan kesengsaraan yang dialami oleh rakyat Syria ini. Kementerian Luar Negeri melalui perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri, khususnya Kedutaan Besar Malaysia di Beirut, Lubnan sentiasa membantu penyaluran bantuan oleh NGO Malaysia kepada pelarian-pelarian Syria yang berada di beberapa kem pelarian di Lubnan.

10. Malaysia juga sering menekankan kepada pihak Syria mengenai kesediaan Malaysia untuk bekerjasama rapat dengan Kerajaan Syria membangunkan semula negara tersebut serta melibatkan diri dalam program-program pembangunan kapasiti bagi kesejahteraan rakyat Syria.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan :-

- (a) bilakah Skim Sewa Beli untuk kesemua PPR akan dilaksanakan di seluruh Sabah; dan
- (b) apakah mekanisme untuk menukar Skim Sewa yang sedia ada kepada Skim Sewa Beli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan Skim Sewa Untuk Dimiliki atau *Rent to Own* (RTO) di Program Perumahan Rakyat (PPR) dengan menawarkan skim pembiayaan mudah kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan telah membina 30 projek PPR yang terdiri daripada 20,784 unit rumah di negeri Sabah. Dalam hubungan ini, KPKT telah menerima surat permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah bertarikh 10 Mei 2019 untuk melaksanakan Skim RTO di PPR negeri Sabah. Kementerian secara dasarnya tiada halangan terhadap permohonan ini. Namun begitu, terdapat beberapa perkara pengurusan yang perlu diperhalusi terlebih dahulu sebelum keputusan muktamad dapat dibuat.

3. Antara inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian adalah dengan mengadakan sesi taklimat dan mesyuarat bersama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah bagi memperjelas hala tuju pelaksanaan Skim RTO di Sabah. Sekiranya diluluskan, pelaksanaan Skim RTO ini akan dilaksanakan secara rintis di PPR terpilih sebelum diperluaskan ke PPR lain di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 30

DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pelaksanaan Fasa dua (2) Projek Hospital Daerah Lawas akan bermula, berapa jumlah kos projek dan bila dijangka siap.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Hospital Lawas merupakan projek di bawah RMK-10. Projek ini dilaksanakan dalam dua (2) fasa iaitu Fasa 1 melibatkan kerja-kerja ubah suai rumah kedai untuk pemindahan sebahagian perkhidmatan hospital sedia ada bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembangunan. Fasa 2a melibatkan kerja merobohkan sebahagian bangunan hospital dan kerja-kerja tanah. Fasa 2b pula adalah fasa pembinaan Hospital Lawas baru. Kontraktor asal projek adalah UEM-SEDC JV Sdn. Bhd.

Kerja-kerja Fasa 1 dan Fasa 2a telah dilaksanakan oleh kontraktor asal dan siap sepenuhnya pada November 2015. Pelaksanaan Fasa 2b tertangguh disebabkan rundingan harga dengan kontraktor asal tidak berjaya. Sehubungan itu, projek ditender semula melalui kaedah tender terbuka.

Buat masa ini, KKM dan JKR telah melaksanakan penilaian tender pada Julai 2019 dan kini sedang menunggu keputusan Kementerian Kewangan. Pelantikan kontraktor baru dijangkakan dibuat pada Januari 2020 dengan jumlah kos keseluruhan projek dianggarkan sebanyak RM231 juta dan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 31

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bayaran MySalam kepada rakyat Malaysia sehingga 31 Ogos 2019 dengan pecahan untuk bayaran RM50 sehari untuk kemasukan ke dalam wad dan untuk bayaran RM8000 untuk penyakit-penyakit tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Berdasarkan rekod sehingga 25 September 2019, jumlah tuntutan yang telah diluluskan di bawah Skim mySalam adalah sebanyak 8,600 tuntutan dengan jumlah yang telah dibayar sebanyak RM3,196,400. Daripada 8,600 tuntutan yang diluluskan, 6,126 adalah merupakan tuntutan bagi manfaat hospitalisasi manakala 2,474 adalah bagi manfaat penyakit kritikal.

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, perlindungan mySalam mulai 1 Januari 2020 akan dipanjangkan kepada:

- Perlindungan ke atas 45 penyakit kritikal termasuk penyakit terminal dan polio berbanding 36 penyakit sedia ada;
- Individu yang berumur sehingga 65 tahun berbanding dengan 55 tahun sekarang, yang akan memberi manfaat tambahan kepada 1.5 juta individu; dan
- Individu yang mempunyai pendapatan kasar tahunan sehingga RM100 ribu. Mereka akan menerima bayaran penyakit kritikal sebanyak RM4 ribu dan bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari apabila didiagnos dan dimasukkan ke hospital kerajaan. Ini akan memberi manfaat kepada 5 juta individu.

Kerajaan masih lagi mengkaji kesesuaian / keperluan untuk memperluaskan kriteria-kriteria lain yang boleh dilindungi di bawah Skim mySalam, namun ianya adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan dana mySalam sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 32

Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan mengapakah pihak Kementerian telah memberikan tawaran pramatang bernilai RM6.2 bilion kepada Gamuda Berhad terhadap pengambilalihan empat lebuh raya di Lembah Klang tanpa kelulusan daripada kabinet dan apakah status terkini dari pihak Kementerian mengenai penetapan nilai tawaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 23 Februari 2019 telah mengumumkan cadangan untuk mengambil alih empat konsesi lebuhraya bertol iaitu Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Terowong SMART (SMART). Cadangan tersebut telahpun diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 27 Februari 2019.

Hasil daripada usaha rundingan dalam tempoh beberapa bulan yang lepas, Kementerian Kewangan telah memberikan tawaran rasmi bersyarat pada 21 Jun 2019 kepada keempat-empat syarikat konsesi tersebut setelah mendapatkan kelulusan YAB Perdana Menteri atas tawaran tersebut pada 20 Jun 2019. Tawaran bersyarat tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri serta pemegang saham dan pemiutang empat syarikat konsesi lebuhraya tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 33

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Wilayah Persekutuan tidak mendapat agihan cukai pelancongan yang berjaya dikutip selama ini berbanding negeri-negeri lain sedangkan sektor pelancongan Wilayah Persekutuan turut memberi sumbangan kutipan yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kutipan cukai pelancongan dikuatkuasakan melalui Akta Cukai Pelancongan 2017 (Akta 791) yang diwartakan pada 21 Jun 2017. Dalam ucapan Belanjawan Tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan perkongsian dengan Kerajaan Negeri sebanyak 50% hasil kutipan bagi cukai pelancongan yang diterima di negeri berkenaan. Langkah ini membolehkan Kerajaan Negeri menerima hasil tambahan yang baharu. Pada 28 Mac 2019, Kerajaan telah menyalurkan Pemberian Cukai Pelancongan Tahun 2018 kepada semua Kerajaan Negeri yang berjumlah RM67.74 juta.

Majlis Kewangan Negara Tahun 2019 yang bersidang pada 27 Mei 2019 bersetuju Pemberian Cukai Pelancongan sebagai satu pemberian baharu kepada Kerajaan Negeri mulai tahun 2019.

Wilayah Persekutuan adalah bukan Kerajaan Negeri dan ianya merupakan sebahagian daripada Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, Kementerian Wilayah Persekutuan boleh mengemukakan senarai program/aktiviti/projek berkaitan pelancongan di Wilayah Persekutuan untuk pertimbangan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 34

Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah cukai yang telah dikutip melalui Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) sejak ianya diperkenalkan pada November 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) hanya tamat pada 30 September 2019, satu pengumuman rasmi akan dibuat apabila jumlah kutipan dimuktamadkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar yang dikatakan lebih serius dari kemiskinan di kampung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertujuan membantu kumpulan miskin di bandar bagi meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga.
2. Pelaksanaan PPKB diberi penekanan khusus dalam menangani isu kemiskinan bandar secara holistik dan lebih berkesan berlandaskan Teras Strategik 1 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu memperkukuhkan pembangunan inklusif bertujuan untuk memperkasakan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana.
3. PPKB mensasarkan golongan B40 yang terdiri daripada isi rumah dengan julat pendapatan kurang daripada RM4,360.00 sebulan iaitu isi

rumah miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Kumpulan sasar PPKB terdiri daripada warganegara Malaysia dan status kemiskinan mereka telah disahkan dalam Sistem eKasih atau Mesyuarat Focus Group Mengenai Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri/Daerah atau berdasarkan keputusan Kerajaan dari semasa ke semasa.

4. Secara khususnya, PPKB bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga B40 bandar melalui strategi keusahawanan dan pembangunan fizikal. Berikut merupakan program-program di bawah PPKB yang telah dan masih dilaksanakan oleh KPKT:

(i) Baik Pulih Rumah Daif di Bandar

Program ini merupakan bantuan baik pulih rumah daif kepada golongan B40 bandar yang berhadapan dengan isu rumah seperti kerosakan kecil atau kerosakan disebabkan faktor musibah seperti kebakaran, banjir dan ribut.

(ii) Program Rumah Sejahtera

Program pembinaan rumah bagi menggantikan rumah keluarga miskin B40 bandar yang terbakar atau rumah usang yang tidak ekonomik untuk dibaiki.

(iii) Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (Azam Bandar)

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasar supaya mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kepompong kemiskinan. Melalui program ini, para peserta akan dibantu dari segi latihan kewangan, kemahiran, motivasi dan pembekalan peralatan serta diberi panduan untuk berjaya sebagai usahawan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 36

Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Syarikat Great Eastern daripada Singapura ini telah mendapat pengecualian daripada syarat-syarat Bank Negara Malaysia bagi mengehendkan pemilikan asing di negara ini dan adakah pelepasan yang diberi kepada Syarikat Great Eastern ini ialah untuk selamanya ataupun untuk tempoh tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat pegangan asing tidak melebihi 70 peratus dalam syarikat insurans adalah bertujuan untuk mencapai manfaat jangka panjang dalam perlindungan insurans untuk rakyat Malaysia. Ini termasuklah pembangunan dan penawaran produk yang lebih inovatif dan bersifat inklusif kepada rakyat Malaysia yang seterusnya akan meningkatkan penembusan insurans dan takaful di Malaysia.

Dalam hubungan ini, pihak Kementerian Kewangan telah menawarkan alternatif kepada semua pemegang saham asing yang terlibat untuk menyumbang kepada skim mySalam bagi memenuhi komitmen pelupusan pegangan saham lebihan mereka. Justeru, syarat pelupusan pegangan saham tersebut tidak lagi terpakai berikutan penyempurnaan syarat-syarat yang dipersetujui, termasuk pemindahan sumbangan penuh kepada Dana Perlindungan Nasional B40. Namun begitu, pemegang saham yang terlibat masih lagi tertakluk kepada peruntukan undang-undang Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan keperluan pengawalseliaan yang ditentukan oleh pihak Bank Negara Malaysia secara berterusan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]
TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 37

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status surat permohonan pinjaman RM10 bilion daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan pembiayaan sebahagian projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dan adakah projek tersebut bakal dimasukkan di bawah RMK-12. Jika tidak diluluskan/dimasukkan, nyatakan sebabnya dan adakah terdapat pelan kontigensi berhubung permohonan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara tersebut masih dipertimbangkan dan tiada keputusan sehingga konsultasi PMTP yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang selesai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN]

TARIKH SOALAN : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 38

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan langkah terperinci dan bajet yang terlibat bagi meningkatkan pemahaman rakyat dan penglibatan PKS dalam IR 4.0 terutama di luar bandar. Setakat mana penglibatan pihak belia dalam IR 4.0 dan nyatakan program-program khusus untuk membantu usahawan belia bagi mengaplikasikan IR 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi di bawahnya menyediakan pelbagai inisiatif merangkumi pembiayaan dan latihan bagi memperkemaskan usahawan dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).
2. Kaji Selidik Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Suku Ketiga Tahun 2018 oleh SME Corp. mendapati hanya 67.3% iaitu 226 daripada 1,721 responden telah bersedia menggunakan teknologi IR 4.0.
3. Justeru, Dasar Keusahawanan Negara (DKN) yang diperkenalkan pada 11 Julai 2019 telah mengambil kira arus perubahan teknologi atau IR 4.0 melalui Teras Strategik 4 untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui perusahaan berteraskan inovasi dalam usaha untuk menyediakan ekosistem yang lebih holistik untuk pembangunan keusahawanan di Malaysia.
4. Antara inisiatif yang telah dijalankan oleh MED untuk menggalakkan penggunaan teknologi oleh usahawan selari dengan perkembangan industri 4.0 adalah:
 - (i) Memperkenalkan **portal MalaysiaBiz** iaitu portal sehati yang menawarkan kemudahan pendaftaran dan permohonan lesen perniagaan yang diusahakan secara bersama oleh SME Corp dengan MAMPU.
 - (ii) memperkenalkan **ScoreXcess** yang dibangunkan oleh SME Bank bagi memudahkan proses permohonan pembiayaan menggunakan *Artificial Intelligence* (AI) dan skor kredit alternatif yang memberikan perspektif tambahan lebih baik kepada kelayakan kredit pemohon;
 - (iii) mengadaptasi penggunaan teknologi dan perniagaan digital melalui media sosial serta transaksi perniagaan secara

e-dagang melalui latihan di bawah **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)** yang kini ditambahbaik oleh pihak SME Corp. di bawah MED;

- (iv) Malaysia Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) turut **menyediakan *School of Entrepreneuership* yang menawarkan program pembangunan kapasiti dan inovasi untuk *start up* dan usahawan** bagi mewujudkan peralihan minda dan peningkatan teknologi selaras dengan perubahan Revolusi Industri 4.0; dan
- (v) memperkasa gerakan koperasi dengan menyediakan program-program menggalakkan penggunaan teknologi digital di kalangan koperator oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM) selain **kursus latihan teknikal keusahawanan jangka pendek dan program berbentuk *coaching/mentoring*** oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Sekian, terima kasih.